

# UMS ejen pungutan, agihan zakat harta

UB 15.10.2022 P.08

Hasil pungutan diguna untuk membantu pelajar golongan berpendapatan rendah

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) dilantik sebagai ejen pungutan dan agihan zakat harta bagi pihak Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS).

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr. Kasim Mansor, berkata hasil daripada pungutan zakat berkenaan digunakan untuk membantu pelajar-pelajar UMS yang datang daripada golongan berpendapatan rendah.

“Pelantikan ini merupakan satu inisiatif yang baik antara UMS dan MUIS di mana kita menjangkakan potensi zakat harta yang akan dipungut adalah berjumlah sekitar RM1 juta setahun.

“Daripada jumlah yang bakal dipungut, 50 peratus akan digunakan untuk tujuan bantuan kewangan kepada pelajar yang menghadapi masalah kewangan dan selebihnya akan dikembalikan kepada pihak MUIS.

“Diharapkan dengan adanya inisiatif ini, kita



**METERAI:** Kasim (tiga kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Ramlan (dua kanan) sambil disaksikan Hajiji pada majlis itu.

akan dapat memperkasakan kapasiti pelajar dan seterusnya dapat menambah baik kualiti kehidupan mereka,” ujarnya ketika ditemui selepas Majlis Menandatangani

Memorandum Perjanjian (MOA) Pelantikan Universiti Malaysia Sabah Sebagai Ejen Pungutan dan Agihan Zakat Harta bagi MUIS di sini, semalam.

Dalam majlis tersebut, UMS diwakili Prof. Datuk Kasim dan Pendaftar, Luqman Ridha Anwar manakala MUIS diwakili Ketua Pegawai Eksekutif,

Ramlan Awang Ali dan Timbalan Ketua Penolong Setiausaha Zakat, Bahagian Zakat Sabah, Iwansuzairie Hari.

Perjanjian berkenaan disaksikan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Hajiji Noor yang juga Pro Canselor UMS, Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Datuk Seri Panglima Rahman Dahlan dan Menteri Tugas-tugas Khas, Datuk Mohd Arifin Mohd Arif merangkap Exco Pendidikan Negeri Sabah.

Terdahulu, Hajiji menghadiri Program Sesi Bersama Pro Canselor UMS dan Majlis Ikrar dan Aku Janji Sempena Minggu Suai Mesra Pelajar Baharu Universiti Malaysia Sabah Sesi 2022/2023 kali ke-28 yang melibatkan 4,576 pelajar baharu.

Lafaz Ikrar diketuai pelajar Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan, Mohd. Asly Faeq Azrul dan 12 yang lain mewakili 12 fakulti dan satu akademi yang terdapat di UMS. — Penerangan